

KL-Yangon bincang pertingkat hubungan

19 AUG 2007
Oleh Rejal Arbee

YANGON, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan perbincangan dengan pimpinan Myanmar. Jeneral Kanan Tham Swee, bagaimana hubungan antara kedua negara dapat dipertingkatkan khususnya dalam bidang ekonomi melalui peningkatan perdagangan dan pelaburan oleh syarikat Malaysia di Myanmar.

Perbincangan sejam itu diadakan di Pyithu Hluttaw (Dewan Parlimen) di sini selepas Perdana Menteri tiba bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk lawatan kerja dua hari.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, memberitahu wartawan Malaysia di sini, walaupun lawatan itu singkat tetapi amat bermakna dan diharap dapat membuka jalan baru bagi mempertingkatkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Ini adalah sebagai usaha menyokong keterbukaan Myanmar baik di bidang politik mahupun ekonomi, khususnya berikutan pembebasan Aung San Suu Kyi, pemimpin gerakan demokrasi yang dikenakan tahanan rumah sejak September 2000.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir berharap dapat mengemaskinikan hubungan politik dan ekonomi antara kedua negara selepas pembebasan Suu Kyi. Pembebasannya itu dilihat sebagai suatu usaha berterusan pemerintah tentera Myanmar untuk memulihkan hubungan mereka dengan puak demokrasi.

Dr Mahathir mempunyai program yang padat dan beliau tidak dijangka akan menemui Suu Kyi walaupun pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) itu telah mengemukakan permintaan untuk menemui beliau.

Berita Harian difahamkan pemerintah tentera Myanmar bagaimanapun bersetuju membenarkan Syed Hamid menemui Suu Kyi yang dijangka berlangsung esok.

Syed Hamid berkata, Dr Mahathir dalam lawatannya kali ini - yang keempat baginya - juga ingin menyingkap perkembangan yang sedang berlaku dari dekat selain melihat apa yang boleh dilakukan untuk meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dalam peremuannya dengan Tham Swee difahamkan telah mengetengahkan beberapa

perkara yang memusykilkan pengusaha Malaysia di sini yang jika tidak ditangani boleh menjejaskan hubungan perdagangan serta menghambat pelaburan mereka di sini.

Malaysia pada permulaan pembukaan Myanmar kepada pelabur luar adalah pelabur utama di sini tetapi kini merosot ke tempat keempat di belakang Singapura, Thailand dan Britain.

Sebagai seorang pemimpin yang berpegang kuat kepada pelaburan luar untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, Dr Mahathir mahu melihat persekitaran pelaburan dan perdagangan yang boleh menggalakkan pelaburan oleh pengusaha Malaysia dan bidang yang dipilih dengan kerjasama pihak Myanmar.

Dalam hal ini, beberapa pengusaha Malaysia yang ditemui di sini berharap pihak Myanmar bersedia mengadakan iklim pelaburan yang baik yang dapat menggalakkan pengusaha melabur di Myanmar.

Syed Hamid berkata, Malaysia komited dalam usaha menggalakkan Myanmar memasuki ekonomi serantau dan ekonomi global dengan membangunkan keupayaan

guna tenaganya dan kunjungan Dr Mahathir kali ini sekali lagi bertujuan membuka langkah baru menggalakkan pelaburan di Myanmar dan ini harus dimanfaatkan oleh pelabur Malaysia.

Kini juga tiba masanya pelabur Malaysia melihat potensi yang ada untuk pelaburan di samping pihak Myanmar sendiri menyediakan iklim yang sesuai seperti undang-undang dan peraturan yang boleh menggalakkan perdagangan dan perusahaan.

Beliau berkata, pelabur juga perlu ingat Myanmar sebelum ini adalah satu negara tertutup bukan saja

dari segi ekonomi tetapi juga politik.

Tetapi berikutan dengan usaha Asean dan khususnya Dr Mahathir sebagai pemangkinnya, negara ini kini telah mula berusaha untuk mengamalkan sikap lebih terbuka kepada pelaburan luar.

Tetapi mereka harus dibenarkan untuk melaksanakan sikap keterbukaan ini pada tahap yang menyenangi mereka.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Yangon disambut oleh Than Shwe; Naib Presiden SPDC Jen Maung Aye; Setiausaha Agung I SPDC, Lt Jen Khin Nyut; Syed Hamid dan Duta

Malaysia ke Myanmar, Datuk Cheah Sam Kip.

Perdana Menteri menyaksikan penggunaan pemeriksaan imigresen dengan menggunakan e-passport yang dilaksanakan oleh syarikat Malaysia di negara ini.

Malam ini beliau diraikan dalam majlis makan malam oleh Tham Swee.

Esok beliau mempunyai program yang padat bermula dengan memberikan ucap tama dan merasmikan persidangan teknologi Myanmar-Malaysia yang bertemakan 'Peluang Perdagangan dan Kerjasama Teknologi Antara Malaysia dan Myanmar' yang akan berlangsung selama tiga

hari.

Lebih dari 500 orang termasuk 300 pengusaha dan pegawai Malaysia akan menghadiri mesyuarat yang dianjurkan MiGHT dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC).

Beberapa kertas kerja termasuk oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz bertajuk "Perdagangan Serantau sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan "Penggerak pertumbuhan ekonomi di era digital" oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie akan dibentangkan.

guna tenaganya dan kunjungan Dr Mahathir kali ini sekali lagi bertujuan membuka langkah baru meng-
ealakkan Delaburan di Myanmar dan ini harus dimanfaatkan oleh pelabur Malaysia.

Kini juga tiba masanya pelabur Malaysia melihat potensi yang ada untuk pelaburan di samping pihak Myanmar sendiri menyediakan iklim yang sesuai seperti undang-undang dan peraturan yang boleh menggalakkan perdagangan dan perusaha-
haan.

Beliau berkata, pelabur juga perlu ingat Myanmar sebelum ini adalah satu negara tertutup bukan saja

dari segi ekonomi tetaoi juga politik.

Tetapi berikutan dengan usaha Asean dan khususnya Dr Mahathir sebagai pemangkinnya, negara ini kini telah mula berusaha untuk mengamalkan sikap lebih terbuka kepada pelaburan luar.

Tetapi mereka harus dibenarkan untuk melaksanakan sikap keterbukaan ini pada tahap yang menyenangi mereka.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Yangon disambut oleh Than Shwe; Naib Presiden SPDC Jen Maung Aye; Setiausaha Agung 1 SPDC, Lt Jen Khin Nyut; Syed Hamid dan Duta

Malaysia ke Myanmar, Datuk Cheah Sam Kip.

Perdana Menteri menyaksikan penggunaan pemeriksaan imigresen dengan menggunakan e-pasport yang dilaksanakan oleh syarikat Malaysia di negara ini.

Malam ini beliau diraikan dalam majlis makan malam oleh Tham Swee.

Esok beliau mempunyai program yang padat bermula dengan memberikan ucapan dan merasmikan persidangan teknologi Myanmar-Malaysia yang bertemakan 'Peluang Perdagangan dan Kerjasama Teknologi Antara Malaysia dan Myanmar' yang akan berlangsung selama tiga

hari.

Lebih dari 500 orang termasuk 300 pengusaha dan pegawai Malaysia akan menghadiri mesyuarat yang dianjurkan MiGHT dan Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC)

Beberapa kertas kerja termasuk oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz bertajuk "Perdagangan Serantau sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan "Penggerak pertumbuhan ekonomi di era digital" oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie akan dibentangkan.